

B540:  
MAHATHIR-HUTAN

1976

KUALA LUMPUR, 23 OGOS (BERNAMA) -- KERAJAAN BERCADANG MEMINDA UNDANG-UNDANG HUTAN YANG ADA SEKARANG BAGI MELETAKKAN HUTAN SIMPAN KEKAL YANG DIKAWAL OLEH KERAJAAN NEGERI DI BAWAH SEBUAH BADAN PUSAT TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA SATU MEMORENDAM MENGENAI CADANGAN ITU TELAH DIHANTAR KEPADA NEGERI-NEGERI YANG DIJANGKA MENGEMUKAKAN PENDAPAT MEREKA MENGENAI PERKARA INI TIDAK LAMA LAGI.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MAJLIS HUTAN NEGARA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI HARI INI BELIAU BERKATA KERJA MENYERAGAMKAN UNDANG-UNDANG ITU AKAN DIJALANKAN OLEH MAJLIS ITU.

MAJLIS AKAN JUGA MENENTUKAN KAWASAN-KAWASAN YANG HENDAK DIJADIKAN HUTAN SIMPAN KEKAL.

KATANYA ADALAH MUSTAHAK BAGI SEBUAH BADAN PUSAT MENENTUKAN KAWASAN-KAWASAN SEUMPAMA ITU KERANA TINDAKAN KERAJAAN-KERJAAN NEGERI MENUKARKAN HUTAN SIMPAN KEPADA TANAH PERTANIAN AKAN MENGUBAH +WAJAH NEGARA+. -- BERSAMBUNG 1414/ZCM 708

££

B541:  
MAHATHIR-HUTAN 2 KUALA LUMPUR

+DALAM KEADAAN DEMIKIAN KITA TIDAK BOLEH MENUNGGU MAJLIS HUTAN NEGARA BERMESYUARAT UNTUK MERUNDINGKAN PERKARA INI.+

DR. MAHATHIR BERKATA PERATURAN UMUM BAGAIMANA MAJLIS ITU AKAN MELAKSANAKAN KUASANYA BELUM DIPUTUSKAN LAGI.

BELIAU MENYATAKAN PADA MASA INI UNDANG-UNDANG HUTAN BERBEZA DI ANTARA SATU NEGERI DENGAN YANG LAIN.

MENGENAI TABUNG CES PERTANIAN, DR. MAHATHIR BERKATA WANG ITU DIGUNAKAN UNTUK BERBAGAI TUJUAN TERMASUK PENANAM SEMULA HUTAN.

TERDAHULU, BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT MAJLIS ITU BELIAU BERKATA SEJUMLAH 12,765,920 EKAR HUTAN SIMPAN KEKAL TELAH DITENTUKAN DI SEMENANJUNG.

ADALAH DIHARAPKAN TINDAKAN SERENTAK AKAN DAPAT DIAMBIL OLEH SEMUA KERAJAAN NEGERI UNTUK MENGISYTIHARKAN KAWASAN-KAWASAN ITU SEBAGAI HUTAN SIMPANAN KEKAL YANG TETAP MENGIKUT UNDANG-UNDANG.

-- BERSAMBUNG 1425/ZCM

B546:  
MAHATHIR-HUTAN 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, HUTAN SIMPAN KEKAL AKAN MENJADI BAHAN ALAM YANG BOLEH MEMBERI PERLINDUNGAN DAN KESTABILAN KEPADA ALAM SEKELILING, IKLIM DAN SUMBER AIR.

IA JUGA AKAN DAPAT MENJAMIN KESELAMATAN HIDUP MANUSIA, BINATANG DAN MERGASTUA, MEMELIHARA DARIPADA MEREBAKNYA KECEMARAN ALAM SEKITAR DAN MENJAMIN MUTU KEHIDUPAN YANG LEBIH BAIK JENERASI AKAN DATANG.

MENGENAI LATIHAN VOKESYENAL UNTUK PEKERJA-PEKERJA MAHIR DALAM PERUSAHAAN PEMBALAKAN, DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MUNGKIN MEMBESARKAN LAGI PUSAT LATIHAN MEMBALAK DI NEGERI TRENGGANU.

ADALAH DIHARAPKAN PUSAT SEPerti AKAN DAPAT DITUBUHKAN DI NEGERI PERAK DAN JOHOR TIDAK LAMA LAGI, KATANYA. -- BERSAMBUNG 1428/ZCM

## MAHATHIR - HUTAN 4 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENYERU SUPAYA KERAJASAMA YANG LEBIH ERAT DAPAT DIJALIN DIANTARA KERAJAAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN SUPAYA +SATU BATU ASAS YANG TEGUH DAPAT DIBINA UNTUK PEMBANGUNAN SEKTOR PERHUTANAN BAGI KEPENTINGAN NEGARA.+

KATANYA, SEKTOR PERHUTANAN YANG BERJALAN SEHINGGA SEKARANG ADALAH SEOLAH-OLAH MEMENTINGKAN KEPADA USAHA-USAHA PENGELUARAN HASIL SAHAJA DENGAN TIDAK MEMENTINGKAN USAHA MEMBANGUNKAN SEMULA SUMBER-SUMBER ITU.

+KEADAAN SEPERTI INI ADALAH SANGAT MENDUKACITAKAN DAN JIKALAU LANGKAH-LANGKAH YANG POSITIF TIDAK DIAMBIL MULAI DARI SEKARANG DAN JIKALAU TIDAK ADA KERJASAMA YANG ERAT DI ANTARA PIHAK-PIHAK YANG BERKENAAN MAKA ADA KEMUNGKINAN PERKARA PERHUTANAN DALAM NEGARA KITA AKAN MENERIMA AKIBAT YANG BURUK PADA MASA HADAPAN.+

DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA HARUS MENGAMBIL LANGKAH YANG POSITIF BAGI MENJAGA KEPENTINGAN SEKTOR PERHUTANAN TERHADAP EKONOMI DAN SOSIAL NEGARA. -- BERNAMA 1420/ZCM